




## SEGAMAT 2030

DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH SEGAMAT 2030 (PENGANTIAN)



Rancangan Tempatan merupakan satu dokumen statutori yang mengandungi suatu peta dan pernyataan bertulis disokong oleh garis panduan pelaksanaan yang menerangkan dengan lebih terperinci segala cadangan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan untuk pemajuan dan penggunaan tanah dengan menterjemahkan dan memperincikan dasar-dasar strategik Rancangan Struktur Negeri, sebagaimana di bawah peruntukan seksyen 12-16A, Akta 172.

Rancangan Tempatan ini terdiri daripada dua dokumen utama iaitu Rancangan Tempatan Daerah Segamat 2030 bagi kawasan Majlis Perbandaran Segamat dan Rancangan Tempatan Daerah Segamat 2030 bagi kawasan Majlis Daerah Labis.



Rancangan Tempatan Daerah Segamat 2030 (Penggantian) ini akan menggantikan sepenuhnya Rancangan Tempatan Daerah Segamat 2020 yang telah diwartakan pada 10 Jun 2010.

### APAKAH PERANAN ANDA

- Baca dan semak kandungan Draf Rancangan Tempatan yang mengandungi cadangan – cadangan projek dan aktiviti gunatanah yang dibenarkan untuk merealisasikan aspirasi penduduk dalam perancangan Daerah Segamat di masa hadapan.
- Menyuarakan idea, pendapat, cadangan dan bantahan sebagai input kepada draf Rancangan Tempatan ini.
- Muat Turun Laporan Melalui Aplikasi Segamat 2030 di telefon pintar
- Maklum balas boleh dikemukakan secara rasmi menggunakan Borang Bantahan / Maklum Balas Awam yang disediakan di semua tempat publisiti atau muat turun di <http://www.townplan.gov.my/epublisiti> <https://ipbd.johor.gov.my/> <http://mpsegamat.gov.my/> dan <http://www.mdlabis.gov.my/>
- Borang yang lengkap diisi boleh dihantar secara pos, serahan tangan, faks atau email ke alamat di bawah sebelum atau pada 10 Mac 2019.
- Yang Dipertua Majlis Perbandaran Segamat No.1, Jalan Abdullah 85000, Segamat Johor Darul Ta'zim Tel : 07 – 9314455 Faks : 07 - 9312712
- Yang Dipertua Majlis Daerah Labis 85300, Labis Johor Darul Ta'zim Tel : 07 – 9251781 Faks : 07 - 9251308
- Pengarah PLANMalaysia @Johor (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor), Tingkat 1 & 2 Bangunan Dato' Mahamad Salleh Perang, 79646, Kota Iskandar, Iskandar Puteri Johor Darul Ta'zim Tel : 07 – 2667200 Faks : 07 - 2661402 [segamat2030@gmail.com](mailto:segamat2030@gmail.com)

### VISI KATALIS PERTUMBUHAN WILAYAH JOHOR UTARA – HAB PERTANIAN JOHOR

- #### SEGAMAT SEBAGAI KATALIS PERTUMBUHAN WILAYAH UTARA JOHOR

  - Meningkatkan ekonomi daerah selaras fungsi sebagai katalis pertumbuhan bagi kawasan wilayah utara Negeri Johor dan juga merangkumi kawasan tenggara dan timur Negeri Sembilan serta barat daya Negeri Pahang.
  - Tumpuan kepada peningkatan aksesibiliti dan perhubungan, pusat perkhidmatan perbandaran yang kondusif, penguhaan infrastruktur dan utiliti, pemerkasaan aktiviti industri dan pelaburan, pengurusan risiko bencana dan alam sekitar mampan dan sistem tadbir urus yang efektif

#### SEGAMAT SEBAGAI HAB PERTANIAN JOHOR

  - Sektor pertanian sebagai penyumbang utama ekonomi dan peluang pekerjaan.
  - Pertanian berskala besar (large scale farming) dan penternakan komersial (commercial farming) untuk tujuan eksport dan pengeluaran produk hasil tani.
  - Penggunaan teknologi moden dalam sektor pertanian
  - Pembangunan dan penguhaan infrastruktur dan prasarana pertanian serta sistem sokongan seperti promosi, pemasaran, pengawalan mutu produk dan penyelidikan.
  - Memperkasakan aktiviti eko dan agro pelancongan



### PELAN CADANGAN GUNATANAH DAERAH SEGAMAT

